



## **TEKS UCAPAN**

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI  
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**PROGRAM JERAYAWARA KASIH KPWKM  
@ADVOKASI ANTIGANGGUAN SEKSUAL NEGERI SARAWAK**

**KUCHING, SARAWAK  
21 JULAI 2023 (JUMAAT) / 8.30 pagi**

Kemaskini 20 Julai 2023

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani.

**(SALUTASI)**

**LAMPIRAN SALUTASI DISEDIAKAN**

## **(A) PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah, Segala Puji Bagi Allah SWT, Tuhan sekalian alam kerana dengan limpah kurniaNya dapat kita berkumpul pada pagi ini dalam **Program Jerayawara Kasih KPWKM @Advokasi Antigangguan Seksual Negeri Sarawak.**
2. Pertama sekali, saya ingin menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-Ketua Jabatan Kerajaan Negeri

Sarawak, wakil-wakil Kerajaan Persekutuan, badan-badan korporat, persatuan majikan dan sekerja, badan bukan kerajaan (NGO) serta rakyat Negeri Sarawak yang turut hadir pada pagi ini.

3. Sesungguhnya, kehadiran tuan-tuan dan puan-puan pada pagi ini **menunjukkan solidariti, sokongan serta kebersamaan dalam menyokong agenda kesejahteraan masyarakat bagi mencapai persekitaran yang selamat dan kondusif untuk semua.**

## **LATAR BELAKANG**

Puan-puan, tuan-tuan, hadirin yang saya kasihie sekalian.

4. Isu gangguan seksual bukanlah sesuatu yang baharu. Namun begitu, masalah ini bukan perkara yang mudah untuk ditangani. Kesan gangguan seksual tidak terhad pada mental mangsa sahaja, ia juga boleh mendorong jenayah seksual yang lebih serius dan kesannya terhadap mangsa adalah sangat negatif, termasuk trauma dan ketakutan yang berpanjangan.

- 
- 
- 
- 
5. Pada kebiasaannya pelaku gangguan seksual mungkin merasakan perbuatannya sebagai satu gurauan ataupun usikan. Apabila mangsa berasa tidak selesa dengan usikan seksual oleh pelaku, maka di sinilah bermulanya gangguan seksual. **Kebiasaannya perlakuan ini dilakukan oleh individu yang lebih berkuasa dan menyebabkan mangsa mengalami ketidaksejahteraan psikologi.**
6. Gangguan seksual boleh berlaku di mana-mana, kepada sesiapa sahaja, tanpa mengira jantina, usia, kaum, atau

- agama.
7. Menurut statistik yang dilaporkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM), jumlah kes gangguan seksual yang dilaporkan meningkat dari **378 kes pada 2020 dan seterusnya meningkat kepada 506 kes pada 2021**. Jumlah kes yang dilaporkan ini adalah melibatkan kedua-dua jantina, lelaki dan wanita. Walau bagaimanapun, data menunjukkan majoriti kes yang dilaporkan **melibatkan mangsa wanita berbanding lelaki**.

8. Bagi negeri Sarawak sendiri, pada tahun 2022, **terdapat 16 kes gangguan seksual di mana 15 kes atau 94 peratus adalah melibatkan gangguan seksual terhadap kaum wanita.**
9. Oleh itu, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah menggubal **Akta Antigangguan Seksual 2022 [Akta 840]**, sebagai suatu Akta khusus untuk menangani kesalahan gangguan seksual.
10. Akta ini diharap dapat membantu mangsa untuk tampil melaporkan kejadian gangguan seksual supaya tindakan

dapat diambil dengan sewajarnya dan remedi dapat diberikan kepada mangsa.

11. **Penguatkuasaan Akta** ini telah dilaksanakan **secara berperingkat mulai 28 Mac 2023** yang melibatkan takrifan gangguan seksual dan elemen kesedaran, pendidikan serta pemahaman mengenai gangguan seksual kepada masyarakat.
12. Langkah ini adalah sebahagian daripada usaha Kerajaan untuk **meningkatkan kesejahteraan rakyat, khususnya wanita,**

dengan menyediakan persekitaran yang selamat dan kondusif.

13. Semasa Sambutan Hari Wanita Antarabangsa pada 8 Mac 2023, **YAB Perdana Menteri telah mengumumkan inisiatif Garis Panduan Pelaksanaan Program Advokasi Antigangguan Seksual.**
14. Ini menunjukkan **kesungguhan Kerajaan yang diterajui oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam mencapai**

**kesaksamaan gender dan menggalakkan kesedaran tentang gangguan seksual di kalangan setiap lapisan masyarakat.**

15. Manakala, Majlis Pelancaran Program Jerayawara Advokasi Antigangguan Seksual telah dirasmikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri pada 29 Mei 2023 yang lalu sebagai **kick-off** dan simbolik **kepada pelaksanaan program advokasi pencegahan dan kesedaran antigangguan seksual** yang akan dilaksanakan ke seluruh negara pada tahun ini.

16. Saya juga amat berbangga apabila Kerajaan Negeri Sarawak telah mengeluarkan **Pekeliling Perjawatan Negeri Sarawak Bilangan 10 Tahun 2022 mengenai Garis Panduan Mengendalikan Gangguan Seksual di Tempat Kerja Dalam Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak** yang telah mula berkuatkuasa pada 8 September 2022.
17. Saya sangat menyambut baik inisiatif daripada Kerajaan Negeri Sarawak ini yang turut menunjukkan komitmen dan kesungguhan Kerajaan Negeri Sarawak untuk bersama-sama dengan Kerajaan Perpaduan di peringkat persekutuan untuk

menangani isu gangguan seksual dan melaksanakan advokasi antigangguan seksual ini.

**(B) PELAKSANAAN PROGRAM JERAYAWARA KASIH KPWKM**  
**@ADVOKASI ANTIGANGGUAN SEKSUAL**

Puan-puan, tuan-tuan, hadirin yang saya kasihi sekalian.

18. Pelaksanaan Program Jerayawara Kasih KPWKM @ Advokasi Antigangguan Seksual ini telah pun bermula pada 6 Julai 2023

yang lalu di Pulau Mutiara, Pulau Pinang sebagai destinasi pertama dan **negeri Sarawak telah dipilih sebagai destinasi yang kedua** dan seterusnya program ini akan dilaksanakan ke seluruh negara pada tahun ini juga. Insya-Allah.

19. Pelaksanaan Program Advokasi Antigangguan Seksual ini diharapkan agar dapat mencapai objektif seperti berikut: -
  - (i) **Memberikan pendedahan** dan pengetahuan kepada masyarakat mengenai gangguan seksual;

- (ii) **Menyebarluaskan pemakaian garis panduan** dan notis antigangguan seksual kepada semua lapisan masyarakat;
- (iii) **Menyampaikan maklumat** berkenaan bantuan dan perkhidmatan psikososial yang disediakan oleh KPWKM terutama dalam menangani gangguan seksual; dan

- (iv) **Menjalinkan kolaborasi strategik** dengan semua pihak bagi meningkatkan pencegahan dan kesedaran gangguan seksual.
20. Program ini juga bertujuan untuk memberikan kesedaran, pendidikan mengenai gangguan seksual agar **budaya menormalisasikan gangguan seksual dapat dihapuskan**. Inisiatif yang boleh dilakukan termasuk menyediakan platform latihan untuk pekerja sosial dan sukarelawan, serta **meningkatkan pengetahuan pekerja di tempat kerja tentang**

**tindakan yang perlu diambil jika ada aduan gangguan seksual.**

21. Di samping itu, pelaksanaan Program Advokasi Antigangguan Seksual ini juga adalah **selaras dengan Akta Kerja 1955 (Pindaan) 2022 yang telah berkuatkuasa pada 1 Januari 2023** yang turut mewajibkan majikan untuk mempamerkan notis mengenai gangguan seksual di tempat kerja.

22. Justeru, KPWKM telah membangunkan **notis antigangguan seksual** yang boleh dimuat turun melalui Kod QR dan laman sesawang Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) untuk dipaparkan di setiap organisasi termasuk premis awam dan swasta.
23. Sukacita saya ingin memaklumkan bahawa Program Jerayawara Kasih KPWKM @Advokasi Antigangguan Seksual ini bertujuan untuk mempromosikan perkhidmatan yang disediakan oleh jabatan dan agensi di bawah Kementerian

Pembangunan Wanita, Keluarga, dan Masyarakat melalui pameran dan aktiviti-aktiviti.

24. Antara jabatan dan agensi di bawah Kementerian yang terlibat adalah Jabatan Pembangunan Wanita, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, Institut Sosial Malaysia, Lembaga Kaunseling Negara, dan Yayasan Kebajikan Negara.

25. Turut bersama dengan KPWKM pada hari ini adalah rakan strategik Kementerian seperti Kementerian Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Negeri Sarawak (KPWK), Kumpulan Wang Simpanan Nasional (KWSP), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Jabatan Bantuan Guaman dan lain-lain lagi.
26. Selain itu, terdapat juga gerai-gerai jualan produk-produk daripada usahawan-usahawan wanita di bawah Jabatan Pembangunan Wanita, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan di bawah Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak.

27. Di kesempatan ini, saya juga memohon kepada hadirin sekalian untuk berkongsi maklumat mengenai Advokasi Antigangguan Seksual kepada keluarga, sanak saudara serta rakan-rakan sebagai usaha untuk memberikan kefahaman kepada masyarakat di dalam komuniti kita.

**(C) HARAPAN**

Tuan-tuan, puan-puan, hadirin yang saya kasihi sekalian,

28. Saya berharap dengan kebersamaan **agensi Kerajaan, sektor korporat, Badan Bukan Kerajaan (NGO) serta seluruh**

**masyarakat untuk untuk bekerjasama agar** kes gangguan seksual akan dapat dibendung dan sekaligus **menyediakan persekitaran yang selamat kepada bukan sahaja wanita malahan lelaki juga termasuk kanak-kanak dan setiap lapisan masyarakat.**

Hati-hati buaya darat,  
Senyum manis belakang berjaga;  
Gangguan seksual jenayah berat,  
Kesedaran ini perjuangan bersama.

29. Saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir pada program pagi ini.
30. Akhir kalam, dengan lafaz “Bismillahir Rahmanir Rahim”, sukacita saya melancarkan **Program Jerayawara KASIH KPWKM @Advokasi Antigangguan Seksual Negeri Sarawak**

*Sekian, Wabillahi taufiq walhidayah*

*Wassalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh.*

**Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri**  
**Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**  
**21 Julai 2023**